

Jan 2020



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

79

th
ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



MESYUARAT TAHUNAN D'BANKERS'

Oleh: Fatin Adilah Razali

D 'Bankers' *Annual General Meeting* merupakan program perjumpaan rasmi untuk semua pelajar Diploma Perbankan yang dianjurkan oleh D'Bankers, persatuan pelajar Diploma Perbankan UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Perjumpaan rasmi ini dihadiri oleh semua pelajar Diploma Perbankan daripada semester 1 hingga semester 5 serta para pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah. Program ini berlangsung pada 20 September 2019 di Dewan Sri Balau. Program ini dianjurkan bersempena dengan perjumpaan rasmi dan ramah mesra untuk semua pelajar Diploma Perbankan baru pada setiap kali semester bermula. Di samping itu, pencalonan dan pemilihan Majlis Tertinggi (MT) serta Ahli Jawatankuasa (AJK) untuk sesi 2019/2020 juga diadakan bagi menggantikan AJK 2018/2019 yang telah berkhidmat selama dua semester. Antara intipati pengisian program adalah mengalu-alukan kedatangan pelajar baru, memaklumkan perancangan aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan, sesi memperkenalkan calon-calon MT dan AJK serta sesi pengundian, sesi *ice-breaking* (persembahan dari pelajar semester satu) serta sesi nasihat serta motivasi kepada pelajar-pelajar sebelum bermulanya semester baru. Ini adalah untuk memastikan kelangsungan perjalanan aktiviti persatuan pada semester seterusnya berjalan dengan lancar.



Bengkel Pemantapan Akademik FIN358

Oleh: Nur Ain Abu Bakar

Pada 29 dan 30 November 2019 yang lalu, Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Akademik bagi kod kursus FIN358 (Investment Management). Seramai 154 orang pelajar semester 5 daripada Program Diploma Pengajian Perniagaan (BA111) dan Diploma Pengajian Perbankan (BA119) telah menghadiri bengkel pemantapan akademik yang bertempat di Dewan Kuliah Telian.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengurangkan peratusan kegagalan bagi kod kursus FIN358 dalam peperiksaan akhir dan mempersiapkan para pelajar dengan teknik menjawab soalan peperiksaan akhir. Bengkel ini telah dikendalikan oleh fasilitator yang terdiri daripada 4 orang pensyarah kod kursus ini dari Fakulti Pengurusan Perniagaan.

Pelbagai diskusi berkaitan teknik menjawab soalan peperiksaan akhir dan fokus pembelajaran telah dikongsikan oleh penceramah jemputan iaitu Cik Afzan Sahilla Binti Amir Hamzah, pensyarah kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan dari UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Beliau merupakan pensyarah yang berpengalaman mengajar dan menggubal soalan peperiksaan akhir bagi kod kursus ini selama lebih 10 tahun.

Bengkel ini juga turut dimeriahkan dengan interaksi aktif para pelajar dalam sesi soal jawab dan *mock exam* bersama penceramah dan fasilitator. Peserta bertuah yang berjaya menjawab soalan dengan tepat telah menerima saguhati yang disumbangkan oleh penceramah dan fasilitator. Selain itu, peserta bengkel ini juga dibekalkan dengan *quick notes* dan *mind map* untuk membantu dalam *smart revision* bagi memantapkan lagi persediaan dan tumpuan para peserta untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akhir bagi kod kursus ini.

Semoga pelaksanaan bengkel ini dapat membantu para pelajar untuk lebih bersedia dan berjaya memperoleh keputusan cemerlang pada peperiksaan akhir nanti.



Peserta Bengkel Pemantapan Akademik FIN358 yang terdiri daripada pelajar Semester 5 Program BA111 dan BA119



Sesi mock exam kendalian penceramah dan fasilitator



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: corporate@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my

ISSN 2232-1578

